

Mahathir ingatkan bahaya pemimpin2 wujud ala cendawan

Oleh NORDIN MOHAMAD

MORIB, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat, khususnya ahli-ahli UMNO tentang bahaya wujudnya para pemimpin seperti 'Cendawan Tumbuh' tanpa mengikut lunas-lunas yang sihat bagi menjamin pembentukan masyarakat bahagian.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO berkata, "bukan semua yang ingin menjadi pemimpin didorong oleh tujuan bahagian dan mulia, mereka cuma hendak kepada keistimewaan pemimpin sahaja."

Sebab itulah, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, kerap kali didapati mereka yang berminat menjadi pemimpin tidak suka mendengar soal keupayaan atau kecekapan memimpin.

"Mereka lebih menumpukan perhatian kepada soal peluang dan giliran merasa nikmat," tegasnya dalam ucapan merasmikan kursus 'Pimpinan Rohaniah' anjuran Pemuda UMNO Malaysia, di Dewan

Buluh Perindu, di sini pagi tadi.

Ucapan beliau telah dibacakan oleh Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Haji Mustapha Jabar. Kira-kira 165 orang pemimpin Pemuda UMNO peringkat negeri dan bahagian menyertai kursus tiga hari itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "untuk menentukan kepimpinan yang baik wujud, pemimpin tidak boleh dibiarkan tumbuh seperti cendawan tanpa ditentukan terlebih dahulu kepimpinannya berasas kepada yang benar dan baik bagi masyarakat."

Tegasnya, kepimpinan mestilah dibentuk mengikut lunas-lunas yang terpelihara dari sebarang penyelewengan dan mementingkan diri sendiri.

Menurutnya, ini dapat dilakukan cuma kalau kepimpinan itu dibentuk mengikut ajaran-ajaran yang diterima umum.

Timbalan Perdana Menteri menekankan perlunya langkah-langkah dan usaha-usaha diambil untuk menentukan kepimpinan yang baik wujud dan kekal.

"Kepimpinan tidak lagi boleh dibenarkan wujud

seperti cendawan, mengikut keadaan sekitar dan peluang seperti cendawan membesar kerana kesuburan alam sekeliling," tegasnya lagi.

Menurutnya, percubaan mengekalkan kepimpinan yang baik adalah penting, kerana semakin lama kepimpinan yang baik itu berterusan selama itulah masyarakat menjadi lebih bahagian dan dapat menyerap unsur-unsur kekuatan serta nilai yang boleh mengembalikkan kepada kesempurnaan setelah penyelewengan kepimpinan diatasi.

Katanya lagi, kepimpinan bukan sahaja boleh membawa kebahagiaan dan kemuliaan, tetapi juga kepada keruntuhan, jika masyarakat itu memandang kepada pemimpin tanpa panduan.

Dalam keadaan tidak tentu arah itu, katanya, mereka ditewas dengan mudah oleh pihak musuh atau dihancurkan di tangan mereka sendiri.

Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan, kepimpinan tidak semata-mata bermakna menjadi ketua kepada sesuatu kumpulan, ia melibatkan semua aspek kecekapan berfikir, berbahasa, berpidato dan lain-lain.